



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTEKNIK PEMELIHARAAN  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan *Audio* dan *Video* / Kejuruteraan Elektrikal / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komunikasi / Kejuruteraan Komputer / Kejuruteraan Penyiaran / Penyiaran *Audio* dan *Video* / Sistem *Audio* dan *Video* / Penyuntingan *Audio* dan *Video* / Teknologi Penyiaran / Media Komunikasi / Teknologi *Audio* dan *Video* / Teknologi Elektronik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

2. Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

3. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**SYARAT-SYARAT LAIN:**

1. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
4. Berpengalaman dan berpengetahuan dalam hal ehwal kejuruteraan penyiaran / media penyiaran / perkembangan teknologi dari semasa ke semasa;
5. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berterusan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan; dan
6. Berkeyakinan diri yang tinggi untuk memahirkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera atau Pengurus Teknik Studio atau Juruteknik Pemeliharaan Kanan yang berkenaan;
2. Mengawas dan bertanggungjawab dalam hal ehwal pemeliharaan peralatan elektrikal / peralatan elektronik / bangunan / perkakas bangunan / OB van / kenderaan dan memastikan ianya berfungsi dengan baik berdasarkan kepada penempatan (seksyen / unit) Juruteknik Pemeliharaan tersebut serta mengawasi kakitangan di bawah jagaannya;
3. Bertugas secara bersendirian untuk mengawasi, membetulkan dan memelihara peralatan elektrikal / peralatan elektronik / bangunan / perkakas bangunan / OB van / kenderaan berdasarkan kepada penempatan (seksyen / unit) Juruteknik Pemeliharaan tersebut;
4. Memastikan perkhidmatan yang dipohonkan oleh bahagian / seksyen / unit yang berkenaan dengan hal ehwal tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Juruteknik Pemeliharaan tersebut dapat disediakan; dan
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.